



Penaung 1: Y.A.B. Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia  
 Penaung 2: Y.A.B. Tan Sri Muhyiddin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia

Rujukan Kami : GABEM-SG/16/5/40-1 (129)  
 Tarikh : 5 April 2012

*W. A. B.  
 Penfama*

**SEGERA DENGAN FAKS**

**SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

*Yang Berbahagia Datuk / Dato' / Tuan / Puan,*

**JEMPUTAN MENGHADIRI PENGOPERASIAN PUSAT SEHENTI GABEM (PSG) 2012 - BADAN AFILIASI**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita GABEM ingin memaklumkan bahawa pengoperasian 'Pusat Sehent GABEM (PSG) 2012' akan diteruskan memandangkan mendapat maklumbalas yang menggalakkan daripada semua pihak. Pusat sehent ini akan beroperasi antara lainnya sebagai fasilitator di dalam mengumpulkan Kementerian dan Agensi Kerajaan yang berkaitan dengan keusahawanan di bawah satu bumbung melalui kerjasama strategik di dalam memberi perkhidmatan kepada usahawan/bakal usahawan secara muafakat.
3. Untuk makluman Y.Bhg Dato'/Datuk/Tuan/Puan, bakal usahawan/usahawan sedia ada yang berminat untuk mendapatkan pandangan dan khidmat nasihat mengenai peluang-peluang yang boleh disertai oleh mereka di dalam bidang keusahawanan adalah dijemput untuk menghadiri sesi bertemu dengan Kementerian/Agensi Kerajaan yang berkaitan tersebut. Bakal usahawan/usahawan yang hadir akan diberikan nombor giliran dan boleh mengadakan perbincangan secara bersemuka dengan pegawai-pegawai daripada Kementerian dan Agensi Kerajaan. Kementerian dan Agensi Kerajaan yang boleh diadakan pertemuan ialah MITI, MOF, KPDNKK, EPU, Bank Negara, Tekun Nasional, PUNB, SSM, CGC, SME Bank, Bank Rakyat, MARA, PNS, CIDB dan SME Corp.
4. Melalui pengoperasian PSG ini sedikit sebanyak boleh memberikan panduan kepada bakal usahawan/usahawan yang berminat untuk menceburi bidang keusahawanan dengan mendapatkan khidmat nasihat daripada pegawai-pegawai Kementerian/Agensi Kerajaan seperti yang dinyatakan di atas.
5. Memandangkan sokongan daripada badan-badan afiliasi serta ahli-ahli amatlah bermakna bagi menjayakan PSG ini maka GABEM memohon jasa baik Y.Bhg Dato'/Datuk/Tuan/Puan agar dapat memanjang dan menghebahkan jemputan ini kepada semua ahli yang bernaung di bawah Y.Bhg Dato'/Datuk/Tuan/Puan dan dapat menghantar **sekurang-kurangnya 10 orang ahli** yang berminat ke 'Pusat Sehent GABEM' yang akan diadakan pada **17 April 2012 (Selasa) jam 10.00 pagi hingga 4.00 petang di Atlanta Ballroom, Level 3, Hotel Armada, Petaling Jaya**. Borang penyertaan adalah seperti di **'Lampiran A'**. Borang yang telah diisi boleh dikembalikan ke GABEM di no.faks **03-2161 0606** sebelum atau pada **16 April 2012**. Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi **Puan Fariah Abdul Rahim/Encik Nawawi Hashim** di talian **03-2161 6060**.


Rujukan Kami: GABEM-SG/16/5/40-1(129)

6. Semoga dengan bantuan dan penyertaan Y.Bhg Dato'/Datuk/Tuan/Puan serta ahli-ahli akan membolehkan pusat ini beroperasi dengan jayanya kelak. Segala kerjasama yang diberi oleh pihak Y.Bhg Dato'/Datuk/Tuan/Puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

Yang benar,

**GAGASAN BADAN EKONOMI MELAYU**



**(DATUK JASMIL HAJI GHANI)**  
Pengurus Besar (MPPB)

**gabem**  
GAGASAN BADAN  
EKONOMI MELAYU



Rujukan Kami: GABEM-SG/11/5/40-1(129)

*'Lampiran A'*

Borang Pengesahan Kehadiran Ahli-ahli Badan Afiliasi ke hari pengoperasian Pusat Sehenti GABEM (PSG) pada 17 April 2012 (Selasa) 10.00 pagi-4.00 petang di Atlanta Ballroom, Level 3, Hotel Armada, Petaling Jaya, Selangor (Sila isi nama ahli yang akan hadir di ruangan yang disediakan)			
Bil.	Nama	No. Telefon	Emel (Sekiranya ada)
1.			
2.			
3.			
4.			
5.			
6.			
7.			
8.			
9.			
10.			

Disahkan oleh :

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

No. Telefon : \_\_\_\_\_

Persatuan : \_\_\_\_\_ Cop Persatuan:

- \* 1. Borang ini boleh difotokopi sekiranya terdapat lebih daripada 10 orang yang berminat untuk menghadiri,  
2. Borang yang telah diisi boleh difakskan ke 03-21610606/03-21647140 sebelum atau pada 16 April 2012.